

19/10/2003

Nik Aziz setuju Yahudi dikutuk

PASIR PUTEH: Yahudi memang wajar dikritik kerana banyak membawa masalah kepada dunia, khususnya di kalangan negara Islam dan Semenanjung Tanah Arab.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata semua ketua negara Islam perlu bersungguh-sungguh dan mengambil kata sepakat merealisasikan matlamat menentang kezaliman Yahudi terhadap umat Islam.

Katanya, umat Islam seluruh dunia perlu menyokong pandangan dan pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendedahkan realiti sebenar dunia dan umat Islam serta cabaran dihadapi.

"Bagi saya ucapan Dr Mahathir bukan anti-Yahudi keseluruhannya, tetapi perangai orang Yahudi itu sentiasa membawa banyak masalah kepada dunia.

"Kalau Dr Mahathir benci perangai Yahudi, kita kena menyokong beliau kerana sememangnya Yahudi menganggap dia (Yahudi) lebih baik dan mulia berbanding orang lain.

"Ini suatu realiti yang didedahkan Dr Mahathir dan harus disokong demi kebaikan umat Islam," katanya ketika ditemui selepas merasmikan sambutan Hari Keluarga Dewan Undangan Negeri (Dun) Selising, di padang bola sepak Selising, dekat sini, semalam.